

FPP BizNewz

Jan - May 2023

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

BUKIT MERAH
"THE RED FOREST"
PERMATA TERSEMBUNYI DI JERANTUT

TOXIC FRIENDSHIP
WHEN IT'S TIME TO LET GO

GRADUATES
WHO ARE THE URBAN POOR

ARROWS OF THE FAITHFUL
THE IMPORTANCE OF ARCHERY IN ISLAM

**TWIN-TO-TWIN TRANSFUSION
SYNDROME (TTTS)**



Publication Date
1 June 2023

KETAHUI JENIS-JENIS KESALAHAN DI BAWAH AKTA KAWALAN BEKALAN 1961



KETAHUI JENIS-JENIS KESALAHAN DI BAWAH

AKTA
KAWALAN
BEKALAN 1961

Kenaikan harga barang merupakan satu perkara yang membimbangkan dan membebankan pengguna. Namun, atas beberapa faktor, kenaikan harga barang tidak dapat dielakkan kerana ia bergantung kepada permintaan dan bekalan, keperluan bekalan import dan perkembangan ekonomi global. Pihak berkuasa juga cakna dalam membendung kenaikan harga barang. Dalam masa yang sama, pengguna juga perlu peka dengan hak mereka dan sama-sama mengambil inisiatif membantu pihak berkuasa.

Terdapat beberapa undang-undang yang perlu diketahui oleh pengguna dan dipatuhi oleh peniaga. Antaranya, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, Akta Timbang dan Sukat 1972 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

Akta Kawalan Bekalan 1961 digubal untuk memastikan keseimbangan bekalan barangan dalam pasaran dan harga barang berpatutan. Tujuannya supaya harga barang kawalan stabil dan pengguna mengetahui penetapan harga maksimum dan minimum yang telah dibuat oleh kerajaan. Akta-akta ini dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Tugas mengawal harga barang adalah di bawah KPDNHEP. Undang-undang memberi kuasa kepada kerajaan untuk mengawal dan mencatu barang apabila keadaan memerlukan. KPDNHEP melaksanakan pemeriksaan dipasaran bagi memastikan penjual mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Di bawah Akta kawalan Bekalan 1961, terdapat beberapa

jenis barang yang tersenarai sebagai barangan kawalan. Akta ini memberi kuasa kepada menteri untuk mengisytiharkan barang kawalan dan membuat peraturan-peraturan berkaitan barang kawalan. Terdapat tiga kategori barang kawalan iaitu barang kawalan sepanjang masa, barang kawalan berjadual dan barang kawalan musim perayaan.

Barang-barang yang diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan disenaraikan di bawah seksyen 5 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan dinyatakan dalam Jadual 1 Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974. Barang-barang kawalan meliputi barang keperluan makanan dan keperluan asas pengguna iaitu gula, roti, tepung gandum, minyak masak, ayam, baja, petrol, simen, diesel, gas petroleum cecair dan bar bulat keluli lembut. Kerajaan akan mengawal pengeluaran,

Oleh:

Noorimah Misnan, Syafini Muda,
Shahariah Harun dan Wan Mardiana Wan Musa
Fakulti Undang-Undang UiTM Cawangan Terengganu
Email: noori444@uitm.edu.my

pengedaran dan penjualan barang-barang tersebut. Bagi barang kawalan musim perayaan, kerajaan akan menyenaraikan jenis-jenis barang kawalan mengikut jenis perayaan.

Kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

1. Menjual tanpa lesen. Pengilang, Pemborong dan penjual runcit barang-barang kawalan berjadual hendaklah mempunyai lesen yang sah untuk menjual barangan tersebut. Adalah menjadi satu kesalahan jika pengilang, pemborong dan penjual gagal menunjukkan lesen yang sah semasa pemeriksaan.
2. Menjual barang kawalan melebihi kuantiti dan menjual melebihi harga yang dibenarkan oleh kerajaan.
3. Menyorok dan enggan menjual barang kawalan, atau memusnahkan barang kawalan dengan tujuan untuk menyekat barang kawalan tersebut dari memasuki pasaran.
4. Penafian palsu memiliki atau enggan menjual barang kawalan. Misalnya, jika peniaga menafikan stok barang kawalan yang ada dalam simpanan mereka.
5. Penjual tidak mempamerkan lesen serta tidak mempamerkan harga barang kawalan.
6. Penjual meletakkan syarat yang tidak munasabah dan

menyalahi undang-undang semasa menjual barang kawalan.

7. Memindahkan barang kawalan daripada premis perniagaan dan menyimpan barang kawalan selain di premis yang tercatat dalam lesen. Contoh nya, pemegang lesen barang kawalan gas petroleum cecair memindahkan dan meletakkan barang tersebut di tempat yang tidak dilesenkan.
8. Memiliki barang kawalan secara menyalahi undang-undang.

Contoh kes adalah kesalahan memiliki barang kawalan secara menyalahi undang-undang mengikut peruntukan seksyen 21, di mana pemandu lori yang tidak mempunyai kebenaran telah membeli petrol dan diesel dalam kuantiti yang banyak. Begitu juga dengan kes rampasan minyak masak di kilang pembungkusan yang tidak dilesenkan.

Jika sabit kesalahan, kepada orang perseorangan tetapi tidak termasuk pengarah atau pegawai suatu badan korporat atau syarikat atau perbadanan, boleh dihukum denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Manakala badan korporat atau syarikat atau perbadanan yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 apabila disabitkan kesalahan boleh dihukum denda tidak melebihi RM2 juta.

Selain itu, lesen juga boleh digantung atau dibatalkan. Mereka juga boleh dilarang mendapatkan lesen dalam satu jangka masa yang ditentukan atau selamanya bergantung kepada jenis-jenis kesalahan yang telah dilakukan. Pindaan akta pada tahun 2021 memperluaskan kuasa tangkapan pegawai KPDNHEP untuk menahan tanpa waran jika peniaga dipercayai telah melakukan kesalahan atau cuba untuk melakukan kesalahan di bawah akta ini.

Akta digubal untuk memastikan pengguna mendapat barang keperluan dengan harga terbaik. Kerajaan telah berusaha bagi memastikan bekalan barang keperluan mencukupi dan mengawal harga dipasaran. Pada masa yang sama, pengguna juga harus bijak dan sama-sama memainkan peranan dengan mengambil tahu perkara-perkara berkaitan hal ehwal kepenggunaan. Jika pengguna mengetahui apa-apa maklumat berkaitan aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti peniaga yang menyorokkan barang-barang, atau peniaga yang menaikkan harga barang, pengguna hendaklah menyalurkan maklumat tersebut kepada KPDNHEP supaya siasatan dan tindakan boleh diambil. Secara tidak langsung pengguna telah membantu kerajaan dalam menangani isu-isu dan penyelewengan ini.



BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com